



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION
JULY 2010 SESSION**

SUBJECT CODE : MPW 1113
SUBJECT TITLE : BAHASA KEBANGSAAN
LEVEL : DIPLOMA
TIME / DURATION : 9.00 am – 12.00 noon
(3 HOURS)
DATE : 14 NOVEMBER 2010

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer one (1) question only.
 6. Answer all questions in Bahasa Melayu.
-

THERE ARE 11 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah : 20 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Yang manakah perkataan-perkataan berikut betul ejaannya?
 - I. Kuorum.
 - II. Aturcara.
 - III. Gimnasium.
 - IV. Gembleng.

A. I, II dan III.	C. I, III dan IV.
B. I, II dan IV.	D. II, III dan IV.

2. Semua perkataan berikut ini betul ejaannya **kecuali**

A. tengah hari.	C. aturcara.
B. ibu bapa.	D. kakitangan.

3. Yang manakah berikut ini salah penggunaan tanda sempangnya?
 - A. Sentimen anti-Israel.
 - B. Kami mengharapkan keampunan-Mu ya tuhanku.
 - C. Diserikan dengan irama 60-an.
 - D. Tua-muda miskin-kaya sama-sama berhari raya.

4. Ayat yang manakah berikut ini mengandungi kata hubung gabungan?
 - A. Ali bangun lalu pergi ke bilik mandi.
 - B. Dia dinaikkan pangkat kerana rajin bekerja.
 - C. Baju yang dipakainya ibu dibelikan oleh anaknya.
 - D. Dia menyatakan bahawa ibunya sakit.

5. "Bersenam baik untuk kesihatan."
Bahagian subjek ayat di atas merupakan

A. frasa kerja.	C. frasa adjektif.
B. frasa nama.	D. frasa sendi nama.

11. "Bungkusan yang diterimanya itu dikirinkan oleh ibunya."
Ayat majmuk di atas ialah ayat majmuk
- A. relatif.
 - B. komplimen.
 - C. gabungan.
 - D. keterangan.
12. Yang manakah berikut ini ayat majmuk gabungan?
- A. Ali dan ibunya ke pasar pagi tadi.
 - B. Kereta yang berhenti di halaman rumah itu kepunyaan seorang hartawan.
 - C. Dia dinaikkan pangkat kerana tekun bekerja.
 - D. Kakak menyatakan bahawa ibu sedang sakit ketika dia pulang ke kampung minggu lepas.
13. Yang manakah berikut ini langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh seorang pewawancara apabila hendak melakukan wawancara?
- I. Mengenalpasti kesesuaian tokoh untuk diwawancarakan.
 - II. Menentukan objektif wawancara.
 - III. Menjangkakan jawapan yang akan diberikan oleh tokoh yang diwawancarakan.
 - IV. Menentukan tempat dan masa yang sesuai untuk diadakan wawancara tersebut.
- A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, II dan IV.
 - D. Kesemua di atas.
14. Dalam sesebuah laporan, bahagian manakah yang dianggap paling penting?
- A. Pengenalan.
 - B. Isi.
 - C. Kesimpulan.
 - D. Bahagian cadangan.
15. Antara ciri-ciri kertas kerja ialah
- I. abstrak.
 - II. pengenalan.
 - III. pengkaedahan.
 - IV. solusi.
- A. I dan II.
 - B. I, II dan III.
 - C. II dan III.
 - D. III dan IV.

16. Berikut ialah tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh seorang setiausaha mesyuarat **kecuali**
- A. mencatat minit-minit mesyuarat.
 - B. menulis laporan tahunan.
 - C. memberi maklumat kepada setiap ahli yang memerlukannya.
 - D. memangku jawatan pengerusi jika pengerusi tidak dapat hadir.
17. Petikan yang dimuatkan dalam sesebuah kertas kerja yang melebihi dua baris hendaklah ditaip
- A. langkau dua baris dan diketengahkan.
 - B. langkau dua baris.
 - C. langkau satu baris dan diketengahkan.
 - D. langkau satu baris.
18. Jika saudara Roslan memiliki rujukan gelaran seperti Datuk, Dr., Tan Sri, Profesor dan Haji, bagaimanakah sapaannya dalam sesebuah ucapan rasmi?
- A. Yang Berbahagia Dr. Profesor Tan Sri Datuk Haji Roslan.
 - B. Yang Berbahagia Profesor Dr. Tan Sri Datuk Haji Roslan.
 - C. Yang Berbahagia Haji Profesor Tan Sri Datuk Dr. Roslan.
 - D. Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Datuk Dr. Haji Roslan.
19. Pengenalan yang terdapat dalam sesebuah esei bertujuan untuk
- I. memperkenalkan isi perbincangan.
 - II. menyediakan pembaca untuk bersama-sama mengamati isi perbincangan.
 - III. menentukan hala tuju perbincangan.
 - IV. sekadar mengindahkan esei.
- A. I, II dan IV.
 - B. I, II dan III.
 - C. I, III dan IV.
 - D. II, III dan IV.
20. Gubahan plot secara hirarki dilakukan dengan menyusun isi karangan
- A. mengikut urutan.
 - B. mengikut kepentingan.
 - C. berdasarkan sebab dan akibat.
 - D. menggunakan teknik imbasan kembali.

BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Baca petikan berikut dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Jawapan hendaklah ditulis menggunakan ayat yang lengkap dan sempurna.

Gaji minimum perlu sepadan kos sara hidup

Oleh Rejal Arbee

rejal@mcoba.org

2010/09/16

Kerajaan patut sekat buruh asing, sedia rumah mampu milik.

KERAJAAN kini berhasrat menetapkan gaji minimum bagi setiap pekerja dalam negara, tetapi penetapan ini tidak akan bermakna kiranya ia juga dipanjangkan kepada pekerja asing. Penetapan demikian dengan sendirinya akan mengatasi keraguan majikan kononnya gaji minimum hanya menguntungkan pekerja asing dan menambahkan aliran keluar wang ke negeri lain apabila pekerja asing dengan pendapatan yang lebih akan mengirim lebih banyak wang mereka keluar.

Apa yang diperlukan serentak dengan penetapan ini ialah kerajaan menyekat terus pengambilan pekerja asing melainkan sebagai pembantu rumah. Majikan dan pengilang hendaklah dipaksa melonjakkan diri mereka daripada meneruskan industri berteknologi rendah kepada industri berteknologi tinggi dengan mengambil pekerja tempatan dengan bayaran yang berpatutan yang boleh menampung kehidupan mereka, termasuk mampu membeli rumah sendiri.

Keadaan songsang yang mana kita mengimport pekerja tidak mahir sehingga tiga juta orang, tetapi mengeksport semakin ramai pula rakyat berpengetahuan kita keluar negara hanya kerana tidak sanggup memberikan pendapatan setimpal dengan kemahiran. Maka itulah dianggarkan sehingga 300,000 rakyat berkemahiran kita berhijrah mencari pekerjaan di luar negara setahun.

Kedudukan songsang demikian ini tidak lagi boleh dipertahankan. Usaha berkesan harus dilakukan kerajaan dengan kerjasama sektor swasta mengatasi kedudukan demikian ini.

Maka itu, serentak dengan pelaksanaan gaji minimum ini kerajaan sepatutnya sudah bersedia membuat keputusan tidak akan membenarkan industri kita lebih-lebih lagi kilang pembuatan mengambil pekerja asing. Mana-mana pekerja asing yang sudah berada di sini tidak akan dibenarkan berterusan di sini apabila kontrak mereka sudah tamat.

Kerajaan juga perlu menetapkan industri pembuatan kita meningkatkan daya saing mereka supaya tidak lagi perlu bergantung kepada pekerja asing tidak mahir ini. Semua agensi penguat kuasa kita mesti disediakan dengan segala-galanya, termasuk peralatan bagi menentukan tidak akan berlaku lagi penyusupan pekerja asing ke negara ini. Mana-mana majikan, termasuk pekilang dan majikan lain yang berterusan mengambil pekerja asing hendaklah dikenakan hukuman berat supaya mereka ini tidak akan berani lagi mengambil pekerja asing.

Gaji minimum itu juga perlu mengambil kira kedudukan sara hidup harian yang wujud mengikut kawasan supaya setimpal dengan kos sara hidup harian kawasan tertentu seperti Lembah Klang dan Johor Bahru. Tentunya kos sara hidup di kedua-dua kawasan ini tidak sama dengan kos sara hidup di bandar lain dan di luar bandar.

Penetapan gaji minimum ini perlu dilaksanakan kiranya kerajaan serius untuk melonjakkan kita daripada kepompong negara berpendapatan sederhana yang mana ia sudah tersekat sejak 15 tahun lalu. Tetapi hasrat ini tidak akan bermakna kiranya pengusaha kita berterusan dibenarkan mengimport buruh dari luar Negara hanya kerana tidak bersedia memberikan gaji berpatutan kepada rakyat sendiri.

Masanya sudah tiba bagi kerajaan menyekat kemasukan buruh asing. Maka itu, tidak menghairankan kenapa sebuah kajian tahun lalu mendapati sehingga 34 peratus daripada pekerja buruh kita, iaitu sejumlah 1.3 juta didapati menerima gaji hanya RM700 sebulan ke bawah, iaitu di bawah paras kemiskinan RM720 sebulan. Kedudukan begini tentunya tidak boleh dipertahankan bagi sebuah negara yang bercita-cita hendak berada pada tahap negara berpendapatan tinggi.

Suatu kajian oleh Bank Dunia mendapati kita mencatatkan kenaikan gaji pada kadar hanya 2.6 peratus setahun bagi tempoh 10 tahun lalu berbanding dengan tren perubahan gaji bagi seluruh dunia pada kadar 3.2 peratus.

Jadi tidak menghairankan kenapa gaji yang diterima oleh pekerja kita tidak dapat menampung kos sara hidup harian mereka. Maka tidak menghairankan kenapa seorang yang berpendapatan RM2,500 sebulan pun tidak mampu menyewa rumah untuk keluarganya hingga sanggup hidup sebagai seorang gelandangan.

Belanja terbesar yang dihadapi pekerja sekarang ialah menyediakan tempat tinggal, bumbung yang mana seorang pekerja dan keluarganya boleh berteduh. Perbelanjaan terbesar lainnya ialah kos pengangkutan pergi balik ke tempat bekerja.

Jadi selain menetapkan gaji minimum, kerajaan sepatutnya sudah dapat menyediakan perumahan yang mampu dimiliki pekerja biasa ini, selain daripada menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang cekap dan boleh diharap pada kos berpatutan. Dengan itu seseorang pekerja tidak akan perlu lagi mempunyai kenderaan sendiri hanya untuk berulang alik dari rumah ke tempat kerja.

Keperluan utama adalah menentukan adanya bilangan rumah atau flet yang secukupnya yang mampu dibeli oleh semua pekerja biasa tanpa mereka ini perlu menjadi setinggan atau gelandangan yang tidak mempunyai tempat berteduh.

Dua perkara ini perlu dilakukan kerajaan serentak dengan penetapan gaji minimum ini kalau benar-benar prihatin terhadap kebajikan rakyat. Apabila dilihat keadaan yang wujud sekarang seorang graduan universiti pun kini tidak lagi mampu untuk mendapatkan rumah sendiri. Apa tidaknya kalau difikirkan graduan universiti sekarang memulakan kerjanya dengan gaji kira-kira RM2,000 saja sebulan.

Dua puluh tahun lalu seorang graduan dibayar sekitar RM1,800 sebulan. Tentunya keadaan demikian ini tidak boleh dipertahankan. Ini adalah bagi seorang berkelulusan universiti. Bagaimana pula dengan seorang yang hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saja. Apa yang dia boleh harapkan?

Bagaimanakah keadaan begini boleh dibiarkan berlaku. Bagaimana harga rumah melonjak begitu ketara sekali seolah-olah tanpa sebarang sekatan hanya kerana wujudnya spekulasi yang bukan-bukan hingga boleh menjejaskan hasrat ramai yang hanya boleh mengharapkan gajinya saja. Kiranya pemaju perumahan tidak mahu

mendirikan rumah kos berpatutan yang boleh dimiliki seorang pekerja biasa, kerajaanlah yang bertanggungjawab membanjiri pembinaan rumah demikian supaya kos rumah tidak melambung tinggi seperti sekarang.

Kerajaan juga perlu membendung spekulasi bukan di mana harga rumah boleh melonjak dengan harga yang tidak terfikirkan. Apakah keadaan rumah sederet satu tingkat yang sudah berusia lebih 30 tahun dijual pada harga RM30,000 kini sudah mencecah sehingga RM600,000 dapat dipertahankan? Tentunya ada yang tidak kena dengan kedudukan demikian ini.

Penulis ialah Felo Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
(Dipetik daripada akhbar Bharian.com.my 16 September 2010)

- I. Pada pandangan anda, apakah yang dimaksudkan oleh penulis apabila beliau mengatakan bahawa "...penetapan ini (gaji minimum) tidak akan bermakna kiranya ia juga dipanjangkan kepada pekerja asing."
- II. Penulis selanjutnya ada mengatakan, "...Kedudukan songsang demikian ini tidak lagi boleh dipertahankan..." Pada pandangan anda, apakah yang dimaksudkan oleh penulis dengan kenyataan tersebut?
- III. Pada pendapat anda, mampukah pihak berkuasa kita menyekat kebanjiran pekerja asing dalam sektor industri pembuatan di negara kita?
- IV. Pada pendapat anda, wajarkah pihak kerajaan mengambil alih peranan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada pekerja-pekerja berpendapatan rendah? Berikan alasan anda.
- V. Pada pandangan anda, wajarkah pihak berkuasa menetapkan gaji minimum di negara ini? Berikan alasan anda.

(10 Markah)

2. Sila baiki kesalahan yang terkandung dalam ayat-ayat berikut:

- I. Zazmi melaporkan dari bilik berita.
- II. Adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat yang dijadualkan pada hujung minggu ini terpaksa ditangguhkan.
- III. Bunga-bunga yang menghiasi ruang tamu rumahnya diperbuat dari kain.
- IV. Di saat itu semua yang hadir tersentak mendengarkan perkhabaran yang dahsyat itu.
- V. Ku dengar kehidupanmu di himpit penderitaan.

(5 Markah)

3. Sila isikan ruang kosong dalam ayat-ayat berikut dengan kata tugas yang sesuai.

- I. Kereta ___ dipandunya tempoh hari bukan kepunyaannya.
- II. Dia berasal ___ Singapura.
- III. Dia menerima panggilan terakhir ___ isterinya pada jam sepuluh malam.
- IV. Bas itu telah terbabas ___ merempuh belakang sebuah lori ___ rosak.
- V. Amat mustahil ___ dia melepaskan dirinya ___ penjara itu.

(5 markah)

BAHAGIAN C (Jumlah: 40 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

Tuliskan sebuah karangan mengenai salah satu tajuk berikut. Panjangnya karangan itu hendaklah tidak kurang daripada 400 patah perkataan. Penilaian akan dilakukan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Bahasa dan ejaan	16 markah
Pengenalan	2 markah
Penyusunan isi	4 markah
Pengolahan isi	6 markah
Perenggan	4 markah
Tautan	4 markah
Kesimpulan	2 markah
Tajuk	2 markah
Jumlah	40 markah

1. Saban hari kita disajikan dengan berita-berita yang seolah-olah mencerminkan masyarakat kita hari ini berhadapan dengan krisis nilai kemanusiaan. Antara lain seperti pembuangan bayi, pembunuhan, seks bebas dan sebagainya. Bincangkan.

(40 Markah)

2. Kemasukan buruh asing ke negara kita telah menjejaskan peluang pekerjaan di kalangan rakyat tempatan.

Bincangkan sejauh mana seriusnya masalah ini dan apakah langkah-langkah yang mungkin diambil bagi mengatasi masalah ini.

(40 Markah)

3. Bunyi tangisan kanak-kanak diselang-seli dengan pekikan seorang lelaki menyebabkan Ramli dan isterinya terjaga daripada tidur. "Kenapa engkau tak mampus-mampus ha!" kedengaran lelaki itu memekik. Pekikan itu kemudiannya disusuli dengan satu dentuman seperti sesuatu telah menghentak dinding papan rumah jirannya itu. Tangisan kanak-kanak itu tiba-tiba terhenti...

Sila seléaskan kisah ini mengikut kreativiti anda.

(40 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT.